

**PERBANDINGAN KONTRAK INSURANS
KONVENTIONAL DAN ISLAM: ANALISIS KHUSUS
TERHADAP OPERASI SYARIKAT TAKAFUL DAN MCIS
INSURANCE BERHAD DI MALAYSIA**

MUHAMMAD YAMIN BIN ISMAIL

**BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

1998

Perpustakaan Universiti Malaya



A509083629

Diklakor pada..... 26.04.2000
No Mikrofis..... 14595
Jumlah Mikrofis..... 4

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI
UPR UNIT REFEROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

PERBANDINGAN KONTRAK INSURANS KONVENTSIONAL DAN ISLAM:
ANALISIS KHUSUS TERHADAP OPERASI SYARIKAT TAKAFUL DAN MCIS
INSURANCE BERHAD DI MALAYSIA

MUHAMMAD YAMIN BIN ISMAIL

Disertasi ini dikemukakan bagi memenuhi keperluan

Ijazah Sarjana Syariah
Bahagian Pengajian Syariah
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
1998

DEDIKASI

Tesis ini ku persembahkan buat,

Isteriku Norihan Mohd Noor,

Anakandaku Muhammad Ashraf, Nurul Iman dan Nurul Ilham,

Ayahandaku Haji Ismail Haji Abdullah,

Bondaku Hajah Siti Hajar Haji Abdul Karim,

Ayah mertuaku Haji Mohd Noor Haji Zakaria,

Ibu Mertuaku Hajah Wan Jaharah Haji Wan Salleh

serta adik-adikku Siti Zubaidah, Muhammad Lukman, Muhammad Hasanain,

Najibah dan Muhammad Hasanuddin.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي أوضح الطريق للطالبين. وسهل منهج السعادة للتقين. وبصر بصائر المصدقين بسائر
الحكم والاحكام في الدين. ومن حفهم أسرار الایمان وأتوار الاحسان واليقين. وأشهد أن لا إله الا الله
وحده لا شريك له الملك املأ المين. وأشهد أن سيدنا محمد عبد الله رسوله الصادق الوعود الأمين. القائل
من يرد الله به خيرا يفقهه في الدين. صلى الله عليه وعلى آله وأصحابه والتابعين لهم باحسان الى يوم الدين
﴿وَبَدَ﴾

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya
tesis ini berjaya disiapkan bagi memenuhi keperluan ijazah Sarjana Syariah, Bahagian
Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Tesis ini pastinya tidak mampu disempurnakan sekiranya tidak mendapat
bimbingan daripada Prof. Dr. Abdullah Alwi Haji Hassan, penyelia kepada tesis ini.
Segala nasihat, panduan dan teguran yang beliau berikan telah membantu di dalam kerja-
kerja pengumpulan bahan kajian, pendekatan penulisan serta penyusunan tesis ini. Hanya
ucapan ribuan terima kasih yang dapat disampaikan bersama dengan irungan doa semoga
Allah s.w.t. membalas jasa baik beliau.

Terima kasih juga diucapkan kepada Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB),
dan Syarikat MCIS Insurance Berhad yang memberi bantuan di dalam pengumpulan

bahan-bahan mengenai kedua-dua institusi tersebut. Tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Siti Zubaidah Ismail, pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur di atas penyemakan dan komentar-komentar membina yang diberikan bagi mengemaskinikan tesis ini.

Akhirnya tesis ini telah dapat disempurnakan dengan bantuan, sokongan dan pengorbanan isteri penulis, Puan Norihan Mohd Noor. Kepada semua yang terlibat diucapkan ribuan terima kasih.

Mudah-mudahan segala daya usaha ini dikira sebagai dakwah *fi sabīlillāh* dan amal saleh dan mendapat keredaan Allah s.w.t.

إِنْ أُرِيدُ إِلَّا إِصْلَاحًا مَا سَتَّعْتُ وَمَا
تُوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُتَبِّعُ^⑤

Terjemahan: “Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepada-Nya jualah aku kembali.”

(Al-Qur'an: Hud (11): 88).

ABSTRACT

This thesis analyses the modern insurance contract from the Islamic perspective and highlights the Islamic system of insurance as an alternative to that of conventional system. A special reference is made to the operation of Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) and MCIS Insurance Berhad.

Chapter One is an introduction to the conventional insurance contract, focusing on it's definition, the origin of insurance, characteristics of contracts and benefits and objectives of insurance.

Chapter Two analyses in details the conventional insurance contracts, featuring it's two main characteristics, security againts loss and the importance of insurance and it's connection with gambling element. This chapter also discusses The Life Assurance Act 1774 and Gaming Act 1845 to see how far insurance contract can avoid itself from being affected by gambling element.

Chapter Three discusses insurance from the Islamic persepective as well as views from Islamic jurists who reject the operation of conventional insurance due to the fact that the elements of *ribā*, *gharar* and *maysir* do exist. Also examples are included whereby these three elements prevail in insurance transactions. The concept of insurance

in Islam, within the framework of *al-takāful al-ijtimā'i* which is more comprehensive than that of conventional system is also discussed.

Chapter Four examines the formation and operation of Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB), focusing on Takaful Keluarga (Family Insurance) and Takaful Am (General Takaful) and the company's capability to emerge as alternative to other insurance companies currently operating on conventional basis. A study on the differences between '*aqd takāful*' and the conventional insurance contract in terms of profits distributions based on '*aqd mudārabah*' is also done.

Chapter Five studies the formation and operation of MCIS Insurance Berhad, followed by the commentary from the Islamic perspective on general and life insurance schemes offered by the company.

At the end, a conclusions is made about this study followed by suggestions and proposals in the effort to improve any shortcomings in the Islamic system of insurance in Malaysia.

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis kontrak insurans moden dari sudut pandangan Islam dan seterusnya menonjolkan sistem insurans Islam sebagai satu alternatif kepada sistem insurans konvensional dengan rujukan khusus kepada operasi Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan Syarikat MCIS Insurance Berhad.

Bab Satu adalah pengenalan kepada kontrak insurans konvensional. Perbincangan ditumpukan kepada definisi, sejarah perkembangan, ciri-ciri kontrak insurans, faedah dan tujuan kontrak insurans diwujudkan.

Bab Dua menganalisis secara detail kontrak insurans konvensional dengan memberikan tumpuan kepada dua ciri utama di dalam kontrak ini iaitu jaminan kepada kerugian dan kepentingan kontrak insurans dan hubung kaitnya dengan elemen perjudian. Seterusnya bab ini akan membahaskan Akta Insurans Nyawa 1774 dan Akta Judi 1845 untuk melihat sejauhmanakah kontrak insurans boleh mengelak daripada dipengaruhi oleh unsur perjudian ini.

Bab Tiga membincangkan insurans dari sudut pandangan Islam dan penolakan ahli-ahli perundangan Islam terhadap operasi insurans konvensional kerana kewujudan elemen-elemen *ribā*, *gharar* dan *maysir*, berserta contoh-contoh di peringkat manakah elemen-elemen ini wujud di dalam transaksi insurans. Seterusnya bab ini membahaskan

konsep insurans Islam, dalam rangka *al-takāful al-ijtima'i* yang sifatnya lebih menyeluruh daripada insurans konvensional.

Bab Empat menganalisis penubuhan dan operasi Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) yang menjalankan perniagaan Takaful Keluarga dan Takaful Am dan bagaimana syarikat ini menjadi alternatif kepada syarikat-syarikat insurans konvensional yang sedia ada. Bab ini juga membahaskan perbezaan di antara akad takaful dengan kontrak insurans konvensional dari segi pembahagian keuntungan berdasarkan akad *mudārabah*.

Bab Lima mengkaji tentang penubuhan dan operasi Syarikat MCIS Insurance Berhad, berserta komentar dari sudut pandangan Islam tentang produk-produk insurans nyawa dan am yang ditawarkan.

Kajian ini diakhiri dengan kesimpulan dan cadangan-cadangan untuk membaiki kelemahan sistem insurans Islam di Malaysia.

TRANSLITERASI HURUF ARAB-RUMI

Panduan merumikan perkataan, frasa dan nama-nama khas dalam Bahasa Arab adalah berasaskan kaedah sistem transliterasi yang digunakan di peringkat antarabangsa dan selaras dengan kaedah yang terdapat dalam *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi* terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka.*

Abjad	Transliterasi rumi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ه	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ڦ	ڻ
ڻ	ڻ

ط	t
ظ	z
ع	c
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ج	l
ت	m
و	n
،	w
هـ	h
ـ	,
يـ	y

Vokal panjang:

$$\begin{array}{ll} \text{ا} & = \overline{\text{a}} \\ \text{ى} & = \overline{\text{i}} \\ \text{و} & = \overline{\text{u}} \end{array}$$

Vokal pendek:

ا = a

ي = i

و = u

Diftong:

او = aw

اي = ay

Tashdid (perkataan berganda):

واوا = uwa

يايا = iya

Baris dua (*tanwin*):

ان = an

ين = in

ون = un

- (تَأْمَرْبِعَةٌ) = h (ketika dimatikan bunyinya)

= ل (ketika perlu dihidupkan bunyinya)

- دل ditransliterasikan sebagai al sama ada *al shamsiyah* atau *qamariyah*.

* Lihat *Gaya Dewan: Sebuah Panduan Kerja Penerbitan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hal. 135-140.

KEPENDEKAN

A.L.Q.	- <i>Australian Law Journal</i>
Bhg.	- bahagian
Bil.	- bilangan
Cet.	- cetak, cetakan
Dll.	- dan lain-lain
Dr.	- Doktor
Ed.	- edisi
Eds.	- <i>editors</i>
et al.	- dan lain-lain
H.	- tahun Hijrah
hal.	- halaman
ibid.	- di tempat yang sama
J.E.S.H.O.	- <i>Journal of The Economic and Social History of The Orient</i>
Jil.	- Jilid/ <i>Juz'</i> / <u>Mujalladāt</u>
M.	- Masihi
M.L.J.	- <i>Malayan Law Journal</i>
m.	- meninggal dunia
n.	- nota
<i>op.cit.</i>	- <i>in the work cited</i>
Prof.	- Profesor

Q.B.	- <i>Queen's Bench</i>
r. 'a	- <i>RadialLāh 'Anh/'Anhā</i>
s.	- seksyen
s. 'a.w	- <i>SallAllāh 'Alayh wa Salam</i>
STMB	- Syarikat Takaful Malaysia Berhad
s.w.t	- <i>Subḥānāh wa Ta'ālā</i>
t.t.	- tanpa tarikh/tanpa tahun
USA	- United States of America
<i>Vol.</i>	- <i>volume/volumes</i>

SENARAI KES-KES

- *Carlil vs. The Carbolic Smoke Ball* [1892] 2 Q.B. 484.
- *Borhanuddin vs. American International Insurance Company Ltd.* [1987] 2 M.L.J. 22

SENARAI STATUT

- Akta Insurans (pindaan) 1963 (Akta 546, 1963)
- Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-peraturan (Akta 312, 1984)
- Undang-undang Kecil Koperasi Insurans Malaysia Berhad (MCIS) (1957)

SENARAI JADUAL**Halaman**

1. Jadual (1) : Pemegangan Saham Syarikat Takaful	150
2. Jadual (2) : Tempoh Matang Pelan Takaful Keluarga	161
3. Jadual (3) : <i>Malaysian Insurance Industry Information</i>	180
4. Jadual (4) : Maklumat Penting Kewangan MCIS Insurance Berhad	184
5. Jadual (5) : Bonus Tiada Tuntutan (NCB)	199
6. Jadual (6) : Aduan Terhadap Syarikat Insurans	202

SENARAI RAJAH**Halaman**

1. Rajah (1) : Perjalanan Takaful Keluarga	156
2. Rajah (2) : Carta Aliran Perjalanan Ansuran Caruman Takaful Keluarga	159
3. Rajah (3) : Perjalanan Urusniaga Takaful Am	169

KANDUNGAN

Penghargaan	i
Abstract	iii
Abstrak	v
Transliterasi	vii
Kependekan	x
Senarai Kes	xii
Senarai Statut	xiii
Senarai Jadual	xiv
Senarai Rajah	xv
Kandungan	xvi
Pendahuluan	1
Pengenalan	1
A. Latarbelakang Masalah	1
B. Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah	9
C. Skop Kajian	13
D. Tujuan Kajian	16
E. Metodologi Penyelidikan	16

BAB SATU INSURANS KONVENTSIONAL: DEFINISI, SEJARAH PERKEMBANGAN DAN CIRI-CIRINYA 19

A. Definisi	19
B. Sejarah Insurans	24
1. Amalan Perlindungan Nyawa di Semenanjung Arab	31
2. Sumbangan Umat Islam Kepada Institusi Insurans	34
C. Ciri-ciri Kontrak Insurans	39
D. Tujuan Kontrak Insurans Dilakukan	40
E. Beberapa Fungsi Sesuatu Kontrak Insurans	41
F. <i>Peril, Hazard, Risiko Dan Kontrak Insurans</i>	42
1. <i>Peril</i>	42
2. <i>Hazard</i>	43
3. <i>Risiko</i>	43
3.1. Jenis-jenis Risiko	45
a. Risiko Spekulasi	45
b. Risiko Tulen	45
3.2 Syarat-syarat Risiko Boleh Insurans	48
3.3 Kaedah-kaedah Menghadapi Risiko	49

a.	Pengelakan	49
b.	Pencegahan	50
c.	Pemindahan	50
d.	Andaian atau Pembendungan	51
G.	Elemen-elemen Kontrak Insurans	51
1.	Premium	52
2.	Jaminan Terhadap Kerugian	54
3.	Menimbang Jaminan Terhadap Kerugian	58
4.	Kondisi dan Waranti	59
5.	Prinsip Kepentingan Insurans	61
6.	Prinsip Ikhlas	61

BAB DUA JAMINAN DAN KEPENTINGAN KONTRAK INSURANS 64

A.	Jaminan Kerugian Di Dalam Insurans	64
B.	Insurans dan Perjudian	70
1.	Akta Insurans Nyawa 1774 Dan Komentar	75
2.	Akta Judi 1845 Dan Komentar	77
3.	Persamaan Di Antara Insurans Dan Perjudian	81

BAB TIGA INSURANS MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM 90

A.	Pendapat Fuqaha Tentang Insurans	90
B.	Unsur <i>Ribā</i> Di Dalam Insurans	103
1.	Definisi <i>Ribā</i>	103
2.	Sebab-sebab <i>Ribā</i> Diharamkan	105
3.	Elemen <i>Ribā</i> Di Dalam Urusniaga Insurans	107
C.	Unsur Judi Di Dalam Urusniaga Insurans	111
1.	Definisi Judi	111
2.	Sebab-sebab Judi Dilarang	112
3.	Elemen Judi Di Dalam Urusniaga Insurans	114
D.	Elemen <i>Gharar</i> di dalam urusniaga insurans	117
1.	Definisi <i>Gharar</i>	115
2.	Sebab-sebab <i>Gharar</i> Dilarang	119
3.	Elemen <i>Gharar</i> Di Dalam Urusniaga Insurans	120
E.	Perlindungan Sosial Di Dalam Islam	127
1.	Definisi Perlindungan Sosial	127
2.	<i>Al-Takāful al-Ijtima‘ī</i> Di Dalam Negara dan Masyarakat Islam	131
3.	<i>Al-Ta'mīn al-Ijtima‘ī</i> Di Dalam Syariat Islam	135
	1. Sistem <i>Diyat</i>	135
	2. <i>Al-Ghārimīn</i>	137

BAB EMPAT	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD (STMB): PENUBUHAN DAN OPERASINYA	142
A.	Konsep Takaful	142
B.	Konsep <i>Tabarru'</i> Dalam Takaful	146
C.	Sejarah Penubuhan Syarikat Takaful	147
D.	Bentuk Perniagaan Syarikat Takaful	151
1.	Takaful Keluarga	152
a.	Pelan-pelan Takaful Keluarga	154
b.	Manfaat Takaful Keluarga	160
2.	Takaful Am	166
3.	Pelaburan Syarikat Takaful	168
4.	Kepentingan Boleh Lindung	170
5.	Prinsip Keadilan Dalam Akad Takaful	171
E.	Analisis Operasi Syarikat Takaful	174
1.	Prestasi Syarikat Takaful	174
2.	Amalan <i>Mudārabah</i> Dalam Syarikat Takaful	175
BAB 5	PENUBUHAN DAN OPERASI SYARIKAT MCIS INSURANCE BERHAD	179
A.	Amalan Insurans di Malaysia	179
B.	Penubuhan dan Operasi Syarikat MCIS Insurance Berhad	179
C.	Produk Insurans Nyawa Dan Am MCIS Insurance Berhad	185
D.	Analisis Perjalanan Syarikat MCIS Insurance Berhad	197
Kesimpulan	208	
Bibliografi	217	
Lampiran A		
Lampiran B		
Lampiran C		
Lampiran D		

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pendahuluan ini adalah sebagai pengenalan asas kepada penulisan tesis ini kerana ia menerangkan beberapa tajuk yang akan menggambarkan penyelidikan yang dibuat secara keseluruhannya.

A. Latarbelakang Masalah

Tamadun Barat yang mempengaruhi negara umat Islam selama empat ratus tahun yang silam membawa bersama-samanya struktur dan organisasi yang bertentangan dengan nilai dan dasar yang digarap oleh Islam. Sejarah menunjukkan betapa umat Islam dipaksa menerima institusi dan organisasi ini, sama ada secara sedar ataupun tidak. Golongan cerdik pandai Islam mula menginsafi pertentangan ini dan berusaha untuk membebaskan masyarakat Islam daripada cengkamannya. Ini termasuklah di dalam bidang perundangan. Antara cara yang perlu dilakukan ialah dengan membuat seberapa banyak penyelidikan perbandingan di antara institusi-institusi tersebut dengan institusi-institusi di dalam undang-undang Islam, supaya suatu institusi pilihan yang boleh

memenuhi keperluan dapat diwujudkan tanpa melanggar dasar hukum Islam. Salah satu masalah institusi yang perlu dikaji ialah institusi insurans.

Persoalan yang selalu dibincangkan ialah sama ada insurans¹ halal atau haram. Berbagai-bagi pendapat telah dikemukakan bagi menjawab persoalan ini. Dalam hal ini Rasulullah s. a.w. telah mengizinkan kontrak² yang sejajar dengan prinsip-prinsip asas Syariah dijalankan dan menolak mana-mana kontrak yang mengandungi satu atau lebih unsur-unsur haram.³ Baginda telah meninggalkan kepada generasi akan datang prinsip

¹ Insurans perdagangan merupakan kontrak pertukaran menurut mana syarikat insurans menyediakan liputan dan jaminan terhadap kemungkinan kehilangan sebagai tukaran dengan premium. Walaupun had kehilangan atau kererosakan itu tidak diketahui atau tidak dapat ditentukan dan terdapat unsur-unsur ketidakpastian. (*Insurance, The New Encyclopaedia Britannica*, Macropaedia Ready Reference, vol. 6, Encyclopaedia Britannica Inc., USA, 15th edition, 1985, hal. 336).

² Kontrak atau 'aqd. Para fuqaha membahagikan pengertian 'aqd kepada am dan khas. Pengertian am bermaksud setiap perkara di mana seseorang itu berazam melakukannya sama ada keazaman itu lahir daripada iradat (kehendak) sendiri seperti *al-Waṣf*, *al-Ibrā'*, *al-Talāq*, *al-Yāmīn* ataupun lahir daripada dua iradat (kehendak) di dalam mewujudkannya seperti *al-Bay'*, *al-Ijtār*, *al-Ta'kīl* dan *al-Rahn*. Pengertian khas memberi makna satu ikatan tawaran (*ijab*) dari penawar dan penerimaan tawaran tersebut oleh pihak penerima dengan satu penerimaan (*qabūl*) yang akan mensabit satu kesan hukum pada satu objek. Sebagai contoh kontrak jual beli di antara penawar dan pembeli akan mendabitkan kesan hukum kepada objek yang dijual atau dibeli iaitu perpindahan milik objek kontrak tersebut daripada milik penawar kepada penerima. Lihat Ibn 'Abidin, Muhammad Amin Ibn Mukhtār, *Hāshiyah Radd al-Mukhtār 'Alā al-Darr al-Mukhtār*, jil. 3, Dar al-Fikr, 1979M/1399H, hal. 355. Dengan ibarat lain, ketaklukan kalam salah seorang yang berakad dengan seorang lagi dari segi Syarak di atas jalan yang menzahirkan kesan pada tempatnya. Pengertian khas ini selalu digunakan oleh para fuqaha. Lihat Wahbat al-Zuhaylī (Dr.), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, jil. 4, cet. 2, Dār al-Fikr li al-Tibā'ah wa al-Tawzī' wa al-Nashr, Damshik, 1987, hal. 81.

³ Kontrak yang mengandungi unsur-unsur haram ialah seperti terdapatnya unsur *gharar*, *riba* dan *maysir* (judi) yang menyebabkannya ditolak oleh hukum Syarak. Dalam jual beli misalnya, Rasulullah s. a.w. mengharamkan jual beli yang mengandungi unsur *gharar* berdasarkan hadith daripada Abu Hurayrah r. a katanya: Rasulullah s. a.w. telah menegah jual *gharar* (jual tipu) dan jual anak batu. Hadith Hasan sahibi. Lihat Muhammad Idris 'Abd al-Ra'ūf al-Marbawī al-Azhārī, *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Turmudī wa Sharḥuḥ bilughat al-Jāwī al-Malzūd*, *al-Musammāt Bahy al-Mādhū*, jil. 9, Dār al-Fikr li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', Kaherah, t.t., hal. 131. Baginda juga mengharamkan jual beli yang mengandungi unsur *ribā* di dalam hadith daripada Abū Sa'īd al-Khudrī r. a, baginda bersabda yang bermaksud: Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar dan garam dengan garam, serupa dengan serupa dan unjur mengunjuk (secara tunai). Sesiapa yang membayar lebih atau mengambil lebih, ia terlibat dengan amalan *ribā*. Orang yang mengambil dan memberi adalah serupa (berdosa). Lihat al-Nawawi al-Imām Muhyī al-Dīn Abī Zakariyā Yahyā ibn Sharaf (631-676H.), *Al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Hajjāj al-Musammāt Ikhīsārān Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, jil. 11, Dār al-Khayr li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', Beirut, 1414H/1994M, hal. 198, hadith no. 82. Lihat juga hadith tentang pengharaman *ribā* di dalam al-Sanā'ī, Muhammad ibn Ismā'īl al-Amīr al-Yāmānī (m. 1182H.), *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Mārām Min Adillat al-Ahkām*, Dār al-Hadīth, Kaherah, tahqīq Ibrāhīm 'Asrī, t.t.

umum untuk menentukan sama ada sesuatu kontrak perniagaan atau rundingan perniagaan itu sah ataupun tidak. Dengan menggunakan prinsip-prinsip ini, umat Islam boleh membina ekonomi mereka dan membuat kontrak perniagaan dan rundingan perdagangan menurut masa dan tempat.

Sememangnya insurans adalah kontrak yang tidak disentuh oleh nas-nas Syarak secara khusus. Justeru itu, para ulama Islam sejak kurun ke sembilan belas telah membincangkan apakah hukum insurans laut kerana hanya insurans bentuk ini sahaja yang wujud pada masa itu.⁴ Rujukan awal terhadap perbincangan ini merujuk kepada Ibn ‘Abidin, seorang ulama bermazhab Hanafi yang hidup di zaman pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah.⁵ Perbincangan ini kemudiannya diteruskan oleh ulama-ulama kurun kedua puluh yang boleh didapati di dalam penulisan-penulisan Muhammad Abū Zuhrah, al-Sayyid Sābiq, Yūsuf al-Qardāwī dan Shaykh ‘Abd al-Rahmān al-Qarā‘ah.

Ibn ‘Abidin membincangkan secara panjang lebar tentang hukum insurans laut dan memberi fatwa bahawa akad insurans tidak harus kerana ia tidak mempunyai persamaan dengan akad-akad penama Islam (*‘uqud al-musammāt*) yang wujud di dalam fiqh seperti *wadi‘ah bi ajr* atau *damān khatar al-tariq*.⁶ Fatwa ini disambut oleh Shaykh ‘Abd Rahmān al-Qarā‘ah dengan mengatakan ganti rugi kepada harta benda mesti dibuat melalui tiga perkara: *kafālah*, *ta‘addī* dan *itlāf*, dan kontrak insurans tidak mempunyai

⁴ *Marine insurance* atau *al-Ta‘min al-Bahri*, juga dikenali dengan nama *sukarah*.

⁵ Lihat karya beliau *Hāshiyah Radd al-Mukhtār ‘Alā al-Darr al-Mukhṭār*, op. cit. Karya ini lebih dikenali dengan nama *Hāshiyah Ibn ‘Abidin* sebanyak 5 jilid, Dār Al-Fikr, Beirut, 1979H/1399H.

⁶ Ibid., bāb *al-Mustā‘min*, jil. 3, hal. 249-250.

persamaan dengan ketiga-tiga akad di atas.⁷ Manakala al-Sayyid Sābiq lebih menekankan pengharaman insurans kerana terdapatnya unsur-unsur *gharar*, *ribā* dan terutamanya perjudian (*maysir* atau *muqāmarah*). Setelah mengutip pendapat Shaykh Ahmad Ibrāhīm,⁸ beliau menyamakan akad insurans dengan akad perjudian.⁹ Beliau juga mengatakan nyawa manusia bukannya objek yang boleh diperniagakan.¹⁰

Muhammad Abū Zuhrah di dalam bukunya *al-Takāful al-Ijtimā'ī fī al-Islām* boleh jadi orang pertama yang mempopularkan istilah *takāful* untuk menerangkan sistem keadilan sosial umat Islam yang dipanggilnya sebagai *al-takāful al-ijtimā'*.¹¹ Istilah ini digunakan bagi membezakannya dengan konsep *sosialism* atau *ishtirākiyah* yang dikaitkan dengan Islam seperti yang ditulis oleh Shaykh Muṣṭafā al-Sibā'i di dalam bukunya *Ishtirākiyah al-Islām* pada tahun 1960.¹² Istilah *takāful* ini kemudiannya digunakan bagi merujuk kepada akad insurans Islam kerana konsepnya adalah bantu membantu sesama saudara Islam.

Manakala Dr. Yūsuf al-Qardāwī pula lebih menekankan kepada kewujudan unsur *ribā* di dalam akad insurans yang menurutnya kerana ketiadaan tukaran di dalam akad

⁷ Dipetik daripada al-Sanhūrī, ‘Abd al-Razzāq Ahmad (Dr.), *al-Wasīt Fī Sharḥ al-Qānūn al-Madani al-Jadīd*, Dār al-Nashr li al-Jam’iyat al-Misriyah, 1952, jil. 7, hal. 1088.

⁸ Shaykh Ahmad Ibrāhīm berpendapat bahawa kontrak insurans bukanlah sebuah akad *muqāmarah* dan bukan juga sebuah akad pinjaman (*qard*) kerana jika demikian ia adalah pinjaman yang mengandungi faedah dan ini adalah *ribā*. Lihat Shaykh Ahmad Ibrāhīm, *Majallat al-Shabāb al-Muslimīn*, bil. 3, hal. 13, 1941. Dipetik daripada ibid., jil. 7, hal. 1088.

⁹ Kata beliau, “*wa idhā lam yakun hādhā min samīm al-mughāmarah, fajī ay syay' al-mughāmarah idhan?*” Lihat al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, jil. 3, Dār al-Kitāb al-‘Arabi, Beirut, 1405H/1985M, hal. 373.

¹⁰ Ibid., hal. 374.

¹¹ Lihat karya beliau *al-Takāful al-Ijtimā'ī fī al-Islām*, Dār al-Fikr al-‘Arabi, Kaherah, t.t.

¹² Lihat Ahmad Hidayat Buang, “Takaful: Akad Insurans atau Mudarabah,” *Jurnal Syariah*, jil. 4, bil. 1, Januari 1996, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal. 139.

insurans tidak dapat disokong oleh mana-mana akad penama Islam. Beliau seterusnya menyarankan konsep *al-tabarru' bi shart al-'iwad* di dalam insurans Islam.¹³

Manakala bagi Shaykh Muḥammad ‘Abduh, Shaykh Muṣṭafā Ḥamad al-Zarqā, Shaykh Burhan Muḥammad Atā’ Allāh dan Muḥammad Nejatullah Siddiqi, mereka berpendapat bahawa insurans bukanlah sesuatu yang tidak dibenarkan oleh undang-undang Syariah. Shaykh Muḥammad ‘Abduh mungkin tidak menyangka kontrak insurans moden akan wujud dalam bentuknya yang ada pada hari ini, menyebabkan beliau di dalam fatwanya mengenai insurans nyawa berpandangan bahawa akad tersebut sah kerana ia adalah satu bentuk daripada akad *mudārabah*.¹⁴ Pendapat yang paling lantang di dalam mengharuskan akad insurans ialah oleh Shaykh Muṣṭafā Ḥamad al-Zarqā¹⁵ dan Shaykh Burhan Muḥammad Atā’ Allāh yang berpendapat bahawa dasar akad di dalam Islam berasaskan kepada kaedah fiqh bahawa *al-asl fi al-'ugūd al-ibāhah hattā yadul al-dalīl 'alā al-tahrīm* (hukum asal dalam akad adalah harus sehingga dalil menunjukkan di atas pengharamannya itu).¹⁶ Berdasarkan kepada kaedah ini, penggunaan akad-akad di dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan tidak harus terhad hanya kepada bentuk-bentuk akad penama yang dikenali di dalam fiqh Islam. Selagi sesuatu akad tersebut

¹³ Lihat Yūsuf al-Qardāwī (Dr.), *Al-Halāl wa al-Harām fi al-Islām*, Maktabah Wahbah, Kaherah, cet. 17, 1408H/1988M, hal. 262-265.

¹⁴ Lihat kes 5, no. 460. Dipetik daripada al-Sanhūrī, ‘Abd al-Razzāq, *op. cit.*, jil. 7, hal. 1088.

¹⁵ Lihat Muṣṭafā Ḥamad al-Zarqā, *Nizām al-Ta'mīn: Haqīqatuhū wa al-Ra'y al-Shar'i fīhi*, Mu'asasah al-Risālah, Beirut, 1984, hal. 33-34.

¹⁶ Ini adalah kaedah fiqh di dalam mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī. Dalilnya ialah hadith Nabi s. 'a.w. yang bermaksud, “Perkara yang dihalalkan oleh Allah adalah halal, dan apa yang Dia mengharamkan adalah haram. Dan apa yang didiamkan oleh Allah maka ini adalah kemaafan daripada-Nya, maka terimalah daripada Allah akan kemaafan-Nya itu. Sesungguhnya Allah tidak akan melupakan sesuatu apapun. (Hadith dikeluarkan oleh al-Bazzār dan al-Tabarānī daripada hadith Abū al-Dardā' dengan sanad hasan. Kaedah ini berlawanan dengan kaedah al-Imām Abū Hanifah yang mengatakan *al-asl fihā al-tahrīm hattā yadul al-dalīl 'alā al-ibāhah* (hukum asal dalam akad adalah haram sehinggalah dalil menunjukkan ke atas keharusannya). Lihat dalam al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān (m. 911H.), *Al-Ashbāh wa al-Nazār'*

tidak mengandungi unsur-unsur yang dilarang oleh undang-undang Syarak, maka akad tersebut adalah sah. Pendapat ini disokong oleh sesetengah penulis moden undang-undang muamalat Islam seperti Badran dengan menyatakan bahawa akad-akad dalam undang-undang Islam boleh dibahagikan kepada dua iaitu akad penama (*musammāt*) dan akad bukan penama (*ghayr musammāt*).¹⁷ Maksud beliau kedua-dua bentuk muamalat ini adalah sah selagi mana tidak terdapat unsur-unsur yang berlawanan dengan undang-undang Syariah seperti *ribā* dan *bāqil*. Manakala Muhammad Nejatullah Siddiqi pula mempertahankan insurans daripada disamakan dengan judi.¹⁸

Sekiranya hujah-hujah ini betul, tentulah tidak timbul bantahan-bantahan terhadap kontrak insurans, dan sudah tentu topik insurans tidak menjadi perbahasan para ulama dengan berbagai-bagai pandangan dan fatwa. Ulama tradisional Islam sebenarnya tidak mahu berganjak daripada dasar-dasar kontrak penama ('*uqid musammāt*) di dalam mengiktiraf akad baru.¹⁹ Walaupun begitu, mereka membenarkan konsep pertolongan atau *ta'awun* yang terdapat di dalam akad insurans tersebut.

Perkara yang menjadi persoalan bagi mereka ialah penerimaan bayaran pampasan insurans dalam keadaan di mana bayaran premium tidak habis dibayar, oleh kerana

¹⁷ *Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Shāfi'iyyah*, cet. akhir, Sharikat Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādūh bi Misr, Kaherah, 1378H/1959M, hal. 60.

¹⁸ Lihat Badran Abū Aynayn Badran, *al-Shari'ah al-Islamiyah: Tarikhhuha wa Nazariyat al-Milkiyah wa al-'Uqud*, Iskandariyah, t.t., hal. 505-508.

¹⁹ Siddiqi, Muhammad Nejatullah, *Insurans Dalam Ekonomi Islam*, penterjemah Ilyas Ismail, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hal. 16-24. Buku ini asalnya dalam bahasa Inggeris berjudul *Insurance In An Islamic Economy*, ed. pertama, The Islamic Foundation, Leicester, 1985.

¹⁹ Lihat Vardit Rispler Chaim, "Insurance and Semi Insurance Transactions in Early Islamic History Until 19th Century", *J.E.S.H.O.*, bil. 34, 1991, hal. 144-145 dan Muhammad Ugharis, '*Aqd al-Ta'min fi al-Tashri'* *al-Maghribi*, Moroko, 1989, hal. 25-26.

berlaku kematian sebelum bayaran tersebut dapat dihabiskan. Pembayaran ini mengikut mereka adalah sesuatu yang bertentangan dengan konsep muamalat Islam yang menekankan sesuatu pembayaran itu mestilah mempunyai tukaran atau '*iwad*'. Bagi mereka, tidak ada suatu asas yang sah yang boleh disandarkan bagi menjadikan akad insurans sah sama ada sebagai akad *mudārabah* atau *qard*. Ciri-ciri tiada tukaran dalam akad insurans tidak dapat disokong oleh mana-mana akad penama Islam.²⁰

Sistem insurans konvensional pula telah dibincangkan secara matang pada pertengahan kurun kedua puluh oleh beberapa orang sarjana dan penulis seperti Picard, Cockerell, Holder dan Street. Di samping perbincangan tentang ciri-ciri kontrak insurans dan faedah-faedah yang diperolehi daripadanya, perbincangan mereka juga berkisar sama ada kontrak insurans itu benar-benar merupakan satu kontrak jaminan kepada kerugian dan adakah prinsip kepentingan insurans telah wujud dalam erti kata sebenarnya.

Menurut Picard, undang-undang insurans tidak membenarkan kontrak insurans berlaku melainkan ditafsirkannya sebagai kontrak jaminan kerugian iaitu pihak yang diinsurans berhak mendapat gantirugi, tetapi ia tidaklah lebih daripada nilai kerugian sebenar.²¹ Kenyataan ini disokong oleh Cockerell yang mengatakan prinsip jaminan tidak dilanggar dan apa yang dipersetujui oleh pihak penginsurans itu merupakan satu

²⁰ Lihat Ahmad Hidayat Buang, *op. cit.*, hal. 137.

²¹ Picard, M.P., *Elements of Insurance Law*, Butterworths, London, 1939, hal. 406-407.

bentuk kontrak jaminan juga. Perbezaannya ialah persetujuan itu dibuat pada masa kontrak itu bermula dan bukannya selepas kerugian itu berlaku.²²

Namun begitu terdapat beberapa orang sarjana Islam yang menimbulkan keraguan bahawa kontrak insurans bukanlah kontrak jaminan kerugian sebagaimana yang disangkakan. Dr. Mohammad Muslehuddin menolak teori ini dengan mengatakan bayaran yang diperolehi oleh pihak yang menanggung kerugian itu adalah sejumlah wang yang diterima kerana berlakunya satu peristiwa atau kejadian yang tertentu yang terkandung di dalam kontrak.²³ Peristiwa yang ditentukan pula adalah sesuatu yang tidak pasti.²⁴ Ketidakpastian ini menyamai definisi tentang suatu pertaruhan judi.

Afzalur Rahman pula menyatakan pihak penginsurans telah menetapkan sesuatu yang tidak wujud pada masa akan datang dan tidak ada satu cara yang saintifik untuk menentukan kedudukan kerugian itu. Dengan kata lain, pihak penginsurans cuba untuk menentukan sesuatu yang tidak dapat ditentukan sekarang dan menggantikan sesuatu yang tidak pasti dengan yang pasti. Perbuatan ini adalah melanggar prinsip jaminan kerugian.²⁵

²² Cockerell, H.A.L, *Insurance, Teach Yourself Book*, Heinemann Educational, London, 1967, hal. 19.

²³ Mohammad Muslehuddin, *Insurans Dan Hukum Islam*, terjemahan Izuddin Hj. Mohamed dan Abdul Rahman Rukaini, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hal. 39. Buku ini asalnya dalam bahasa Inggeris berjudul *Insurance And Islamic Law*, Islamic Publication Limited, Lahore, ed. kedua, 1978.

²⁴ Lihat sebagai contoh *Halsbury's Statutes of England* (ed. ketiga), Butterworths, London, jil. 13, 1972, hal. 12.

²⁵ Afzalur Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam*, jil. 4, penterjemah Osman Ahamad dan Mazni Othman, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hal. 95. Buku ini asalnya dalam bahasa Inggeris berjudul *Economic Doctrine of Islam*, edisi kedua, Islamic Publication Limited, Lahore, 1980.

Manakala perbezaan asas di antara insurans dan perjudian telah tidak dipedulikan pada masa dahulu kerana tidak ada undang-undang yang mengawal amalan perjudian di dalam sistem perundangan Inggeris.²⁶

Street pula berhujah bahawa polisi insurans hayat susah untuk dibezakan dengan perjudian dan Akta Insurans Nyawa 1774 (England) dan Akta Judi 1845 (England) telah tidak mendefiniskan dengan jelas takrif perjudian yang menyebabkan polisi-polisi insurans tidak dapat dibezakan dengan perjudian.²⁷

B. Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah

Judul tesis ini ialah “Perbandingan Kontrak Insurans Konvensional Dan Islam: Analisis Khusus Terhadap Operasi Syarikat Takaful Dan MCIS Insurance Berhad di Malaysia.” Sebelum dijelaskan pengertian judul tesis ini, huraihan akan dilakukan terhadap istilah-istilah yang terkandung di dalam judul tersebut iaitu “kontrak” dan “Islam.”

Secara umumnya kontrak boleh ditakrifkan sebagai perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai perjanjian ikatan undang-undang di antara dua atau lebih orang yang haknya diperlukan oleh seorang atau

²⁶ Holder, E.A., *Houseman's Law of Life Assurance*, Butterworths, London, 1978, hal. 16. Masalah ini membawa kepada amalan perjudian yang dilakukan secara tersembunyi di dalam perniagaan insurans.

²⁷ Street, H.A., *Law of Gaming*, Sweet & Maxwell, London, 1937, hal. 12.

lebih untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan tindakan bagi pihak yang satu lagi atau lain-lain. Kontrak memasukkan tujuan menubuhkan hubungan undang-undang, tawaran dan penerimaan pertimbangan, tujuan atau objek yang sah, dan pihak-pihak yang mengikat kontrak.²⁸ Dalam hal ini “kontrak insurans konvensional” bermaksud kontrak insurans moden dan peraturan-peraturannya yang diamalkan di Malaysia dan dunia moden hari ini. Dalam konteks Malaysia, perjalanan syarikat-syarikat insurans dan kontrak insurans dikawal oleh Akta Insurans 1963 (Akta 546) dan Akta Takaful 1984 (Akta 312) Dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah kedua-dua undang-undang ini.

Manakala “Islam” bermakna “kontrak insurans Islam” yang memberi pengertian segala perbahasan dan pandangan tentang insurans yang berdasarkan kepada dua sumber hukum Islam yang utama iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah, dan diikuti dua lagi sumber perundangan Islam yang telah disepakati iaitu *Ijmā'* dan *Qiyās*.

Perkataan “Malaysia” diambil bagi menyempit dan memudahkan skop perbincangan. Dalam hal ini analisis hanya dilakukan terhadap dua buah institusi insurans yang ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) yang mewakili syarikat insurans Islam dan MCIS Insurance Berhad yang mewakili syarikat insurans konvensional.

²⁸ Lihat Lee Kham Khuan, *Insurans Nyawa di Malaysia*, cet. kedua, Persatuan Insurans Nyawa di Malaysia, Kuala Lumpur, 1986, hal. 60.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan dengan “perbandingan kontrak insurans konvensional dan Islam” ialah perbicaraan tentang ciri-ciri kontrak itu dan membandingkannya dengan sudut pandangan Islam berdasarkan nas al-Qur'an dan al-Sunnah, *Ijmā'* dan *Qiyās* serta pandangan dan fatwa para ulama berdasarkan sumber-sumber perundangan ini. Ini memandangkan betapa kewujudan institusi insurans di negara umat Islam telah sekian lama menimbulkan tanda tanya tentang sejauh manakah ia menepati ciri-ciri keislaman baik dari segi operasi maupun pelaksanaan undang-undangnya. Syariat²⁹ Islam telah menetapkan bahawa sebarang urusniaga hendaklah mempunyai ciri-ciri akhlak mulia dan melarang unsur-unsur ketidakadilan seperti tipu daya (*gharar*). Begitu juga larangan terhadap pertaruhan yang boleh mendatangkan kerugian kepada satu pihak seperti judi (*maysir*) sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an.³⁰ Islam menegaskan bahawa sesuatu akad atau kontrak yang dibuat itu mestilah dipastikan tidak ada sebarang kesamaran atau keraguan.

Tuntutan umat Islam agar Malaysia mempunyai institusi Islam yang tersendiri telah membawa kepada penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Berhad yang dimodelkan daripada syarikat takaful yang sebelum ini telahpun beroperasi di negara Sudan dan Arab Saudi. Syarikat ini ditubuhkan berdasarkan Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-peraturan³¹

²⁹ Syariat bermaksud setiap perkara yang telah disyarukkan oleh Allah yang terdiri daripada hukum-hukum sama ada berdasarkan al-Qur'an atau al-Sunnah, dan sama ada berhubungkait dengan *kaifiyat i'tiqād* dan dikhususkan dengannya akan ilmu kalam atau ilmu tauhid, atau sama ada berhubung kait dengan aspek muamalat iaitu ilmu fiqh. Lihat ibid., jil. 1, hal. 18.

³⁰ Al-Qur'an: *al-Mā'idah* (5): 90-91.

³¹ S. 4(1).

sebagai undang-undang tubuhnya. Namun kewujudan Syarikat Takaful ini dalam suasana ekonomi yang didominasikan oleh sistem barat dan kuasa pasaran yang menyebabkan masyarakat perlu mendapat penjelasan tentang perjalanan syarikat ini dan sejauh manakah “keislamannya” berbanding dengan saingen-saingannya yang lain dalam sistem insurans konvensional.

Perbincangan ini membawa kepada apakah pengertian sistem insurans itu sendiri? Bagaimanakah Syarikat ini beroperasi dan setakat manakah ia mematuhi prinsip-prinsip Islam di dalam pelaksanaan operasinya?

Berdasarkan latar belakang masalah di atas, perumusan masalah dapat dibuat seperti berikut:

- a. Adakah kontrak insurans konvensional benar-benar merupakan jaminan kepada kerugian dan adakah wujudnya kepentingan insurans? Dan sejauhmanakah ia dapat membebaskan dirinya daripada bayangan perjudian dan pertaruhan?

- b. Apakah perbezaan di antara kontrak insurans dari sudut pandangan Islam dan kontrak insurans moden yang diamalkan pada hari ini (dengan maksud membandingkannya) dan sejauhmanakah kewujudan unsur-unsur *ribā*, *gharar* dan judi di dalam amalannya menyebabkan ia haram di sisi Syarak?

- c. Adakah sistem insurans Islam di negara ini yang pelaksanaannya diwakili oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) boleh menjadi alternatif kepada sistem insurans konvensional yang dijalankan oleh sekian banyak syarikat insurans yang antaranya ialah MCIS Insurance Berhad.

C. Skop Kajian

Kajian ini membincangkan tentang insurans konvensional yang meliputi definisi, sejarah perkembangan dan ciri-cirinya. Analisis juga dilakukan terhadap kontrak insurans yang membabitkan soal jaminan dan kepentingannya dan adakah ia berjaya di dalam usaha mencegah dirinya daripada menjadi kontrak perjudian.

Kajian ini juga menganalisis operasi dan produk insuran nyawa dan insurans am yang ditawarkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan MCIS Insurance Berhad. Syarikat Takaful dipilih kerana ia merupakan syarikat insurans pertama di negara ini yang menawarkan sistem insurans berlandaskan hukum Islam iaitu konsep *takāful* dan *muḍārabah*. Memandangkan sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat terhadap produk-produk insurans yang ditawarkan setelah ia beroperasi selama beberapa tahun, kerajaan telah memberikan lesen kepada pengendali takaful yang kedua iaitu Takaful Nasional, anak syarikat kepada Malaysia National Insurance (MNI).

Syarikat Takaful juga berperanan sebagai badan pelaburan yang menggerakkan caruman-caruman yang dibuat oleh para peserta pelan takaful keluarga dan takaful am untuk dilaburkan di dalam bidang-bidang pelaburan yang diizinkan oleh Syarak. Setelah beroperasi selama 13 tahun, syarikat ini berjaya menunjukkan prestasi yang membanggakan dan memberikan saingan kepada syarikat-syarikat insurans lain.

Manakala MCIS Insurance Berhad adalah mewakili syarikat insurans konvensional di mana ia juga menawarkan kemudahan-kemudahan insurans nyawa dan insurans am kepada pelanggan. Sebelum ini tinjauan telah dilakukan ke atas syarikat-syarikat insurans konvensional lain terutama yang beroperasi di Kuala Lumpur bagi memilih syarikat yang sesuai dan mewakili amalan insurans konvensional. Dalam tinjauan itu didapati Syarikat MCIS Insurance Berhad bersedia memberikan kerjasama dan membekalkan bahan-bahan dokumentasi seperti undang-undang tubuh syarikat bagi kegunaan kajian ini. Malah beberapa orang pegawainya juga menyatakan kesediaan untuk berbincang dan ditemuramah tentang amalan insurans konvensional masa kini. Di samping itu kewujudan halaman *web* syarikat ini juga memudahkan dari segi perolehan maklumat dan perkembangan terkini syarikat, juga mendapatkan data-data terkini tentang industri insurans di Malaysia. Sebelum ini penulis menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat tentang syarikat-syarikat insurans lain atas alasan kesibukan pegawai. Mereka juga memberi alasan dokumen syarikat adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada orang ramai.

Perbincangan tentang operasi MCIS Insurance Berhad ditumpukan kepada amalan-amalan yang dilakukan dalam konteks sistem insurans konvensional. Perbandingan juga telah dibuat dengan Syarikat Takaful dan seterusnya memberi alternatif kepada masyarakat supaya beralih kepada sistem insurans Islam.

Selain itu analisis telah dilakukan terhadap hukum insurans dari sudut pandangan Islam dan pandangan serta fatwa ulama dan perbahasan pro dan kontra di dalam perkara ini. Pengertian *mudārabah*, *ribā*, *gharar* dan *maysir* juga disentuh secara lengkap dan sebab-sebab larangannya kerana elemen-elemen ini tidak syak lagi wujud di dalam kontrak insurans moden. Perbincangan juga memberi tumpuan kepada contoh-contoh di peringkat manakah elemen-elemen ini wujud di dalam kontrak insurans.

Kajian ini juga memfokuskan perbincangan kepada akta yang merupakan rujukan kepada perlaksanaan amalan insurans konvensional di seluruh dunia iaitu Akta Insurans 1774 (*Life Assurance Act 1774*) dan Akta Judi 1845 (*Gaming Act 1845*) yang dikuatkuasakan di England. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak akan membincangkan tentang Akta Insurans 1963 (Akta 546) yang dikuatkuasakan di Malaysia.

Kajian ini tidak akan membincangkan tentang perkara-perkara teknikal yang berkaitan dengan insurans seperti tuntutan wang premium, proses tuntutan, penerimaan syarat yang terkandung di dalam polisi, bukti kerugian atau kehilangan, tuntutan insurans kenderaan (*claim*) dan pembayaran ganti rugi.

D. Tujuan kajian

1. Untuk membandingkan kontrak insurans konvensional dan insurans Islam dan membuat analisis adakah syarikat-syarikat insurans konvensional terutamanya MCIS Insurance Berhad yang beroperasi hari ini berlandaskan kepada undang-undang yang diluluskan oleh Syarak.
2. Untuk melihat sejauh manakah Islam melalui konsep *al-takāful al-ijtimā'i* berjaya memberikan perlindungan dan jaminan kepada umatnya di mana ia adalah lebih sempurna dan menyeluruh daripada konsep insurans moden yang diamalkan sekarang.
3. Untuk mengetahui sejauh manakah penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) telah berjaya mewujudkan satu sistem insurans Islam yang lengkap baik dari segi operasi mahupun undang-undang. Syarikat Takaful yang telahpun beroperasi lebih 13 tahun yang lalu membolehkan penulis melihat sejauhmanakah kejayaan dan pencapaian objektifnya. Setakat manakah ia mampu bersaing dengan syarikat-syarikat insurans konvensional yang lain?

E. Metodologi Penyelidikan

Kajian ini banyak bergantung kepada bahan-bahan rujukan prima dan sekondari berupa buku dan sebagainya yang ditulis oleh penulis tempatan dan luar negeri.

Temubual juga telah diadakan dengan pegawai-pegawai yang terlibat untuk mendapatkan penjelasan tentang aspek pelaksanaan dan amalan bagi maksud kajian ini. Ini kerana penulisan-penulisan yang ada adalah lebih berbentuk teori dan penjelasan umum tentang insurans dan kemudahan perkhidmatan yang ditawarkan, tetapi tidak banyak hasil tulisan yang secara langsung membincangkan apakah amalan ini menepati kehendak-kehendak Syarak dan sejauhmanakah kejayaan telah dicapai?

Tiga cara utama digunakan untuk mengumpul dan menyusun bahan-bahan kajian:

1. Penyelidikan perpustakaan (*library research*) - Rujukan dilakukan terhadap bahan-bahan yang terdapat di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Pusat Islam Malaysia), Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
2. Penyelidikan lapangan (*field research*) - Temubual diadakan dengan pegawai-pegawai di Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan MCIS Insurance Berhad bagi mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan dan amalan sistem insurans Islam dan konvensional di negara ini. Cara ini digunakan bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut tentang hal-hal yang terdapat di dalam dokumen syarikat. Rujukan secara langsung juga dilakukan kepada halaman *world wide web (www)* internet iaitu di alamat www.jaring.my/mcis.

3. Analisis data - Untuk menganalisis data-data yang terkumpul, metod analisis hukum digunakan. Kajian ini membuka ruang kepada semua pendapat Ahli Sunnah wa al-Jama'ah dan pendapat yang terkuat (*arjah*) adalah pendapat yang mempunyai sandaran (*dalil*) yang paling kuat.